

**TEKS PERUTUSAN YAB MENTERI BESAR TERENGGANU UNTUK MAJLIS  
BACAAN YAASIN DAN SOLAT HAJAT, SEMPENA SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN TAHUN 2018 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU**

---

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Salam Sejahtera,**

**Bismillahir Rahmaanir Rahim.**

**YANG BERHORMAT / DATO'-DATO' / TO' PUAN /  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan dan limpah rahmatNya dapat kita sama-sama menunaikan solat Maghrib berjemaah pada malam ini serta menyempurnakan Majlis Bacaan Yaasin Dan Solat Hajat, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2018 Peringkat Negeri Terengganu.

Terlebih dahulu, izinkan saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak jawatankuasa pengajur yang telah sudi menjemput saya untuk hadir seterusnya menyampaikan perutusan sempena hari kebangsaan pada kali ini.

TEKS PERUTUSAN YAB MENTERI BESAR TERENGGANU UNTUK MAJLIS  
BACAAN YAASIN DAN SOLAT HAJAT, SEMPENA SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN TAHUN 2018 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

---

**YANG BERHORMAT / DATO'-DATO' / TO' PUAN /  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

Marilah kita sama-sama mengucapkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah SWT kerana telah mengurniakan kepada kita nikmat suasana keamanan, keharmonian dan kesejahteraan hidup di sebuah negara yang berdaulat dan merdeka ini, iaitu 'Malaysia yang kita cintai'.

Sebagai rakyat Malaysia, kita wajib bersyukur kepada Allah SWT dan berasa bangga kerana negara kita ini masih utuh mengekalkan kedaulatannya. Kedaulatan yang kita nikmati sejak tahun 1957 yang lalu, telah membolehkan negara membangun dengan pesatnya ke arah sebuah negara maju.

Memiliki kedaulatan bermaksud, kita berhak sepenuhnya dalam segala urusan mentadbir, memerintah dan menentukan sendiri hala tuju negara. Malah, dalam menjiwai kemerdekaan dan kisah-kisah perjuangan pemimpin terdahulu, kita juga wajib terus memelihara dan mempertahankan kedaulatan raja-raja melayu, kedudukan agama Islam, serta keistimewaan orang melayu dan bumiputera, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

TEKS PERUTUSAN YAB MENTERI BESAR TERENGGANU UNTUK MAJLIS  
BACAAN YAASIN DAN SOLAT HAJAT, SEMPENA SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN TAHUN 2018 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

---

**YANG BERHORMAT / DATO'-DATO' / TO' PUAN /  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

Menjadi tanggungjawab generasi baharu hari ini untuk menghargai dan menghayati erti kemerdekaan. Tugas kita pada hari ini adalah memenuhi dada dengan ilmu pengetahuan dunia dan ukhrawi agar kemerdekaan yang dikehendaki pada hari ini dapat dipertahankan dan seterusnya dikekalkan. Tanpa ilmu pengetahuan ini, kemerdekaan yang kita bangga dan agung-agungkan ini hanya akan menjadi kenangan dan lipatan sejarah sahaja.

Rakyat perlu bersedia menghadapi pelbagai cabaran untuk memperkasakan bangsa yang merdeka. Rakyat Malaysia yang terdahulu telah melalui pelbagai cabaran getir untuk mencapai kemerdekaan, justeru rakyat kini perlu menghayati dan mengisi kemerdekaan dengan memelihara kekuatan politik, ekonomi, sosial, agama, bahasa, budaya dan seni warisan bangsa. Segala jurang pembangunan, ekonomi dan sosial di kalangan kaum perlu dirapatkan dan diperkuatkan lagi agar kita saling menikmati erti kemerdekaan sebenar.

Negara sentiasa terdedah kepada ancaman yang bukan sahaja datang dalam bentuk fizikal tetapi juga ancaman terhadap ekonomi, penyebaran berita-berita palsu, fitnah dan kebocoran maklumat-maklumat sulit kerajaan

TEKS PERUTUSAN YAB MENTERI BESAR TERENGGANU UNTUK MAJLIS  
BACAAN YAASIN DAN SOLAT HAJAT, SEMPENA SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN TAHUN 2018 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

---

terutamanya melalui media sosial oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan berkepentingan.

Ancaman negara pada masa ini juga termasuklah pencerobohan kedaulatan negara seperti yang berlaku di Lahat Datu, Sabah baru-baru ini. Ini ditambah pula dengan ancaman keselamatan yang diwujudkan oleh mereka yang mendakwa kumpulan militan Islam ***Ad Dawla Al Islamiyyah Fi Al Iraq Wa As Sham (Daesh)*** yang berusaha menambah bilangan pengikut mereka dan menjalankan aktiviti keganasan dengan meletupkan diri di tempat-tempat awam serta membunuh orang awam yang menentang kegiatan mereka. Maka di situlah, peranan kita sebagai rakyat Malaysia menyokong dasar-dasar negara dan kesetiaan kepada pemimpin, di mana kita seharusnya menjadi nadi tulang belakang kepada satu sistem pentadbiran yang kukuh, penuh prinsip dan berintegriti.

Ingartlah bahawa kemerdekaan yang kita kecapi dan nikmati sekarang ini bukannya datang dengan mudah dan bergolek begitu sahaja tetapi memerlukan perjuangan dan pengorbanan yang amat tinggi kerana mempertahankan kemerdekaan adalah lebih sukar daripada kita menuntut kemerdekaan. Kemerdekaan yang diperjuangkan oleh datuk nenek kita ini wajib kita terus dan pertahankan. Musuh kita sekarang bukan hanya semata-mata di dalam bentuk angkatan peperangan tetapi juga melalui tipu

**TEKS PERUTUSAN YAB MENTERI BESAR TERENGGANU UNTUK MAJLIS  
BACAAN YAASIN DAN SOLAT HAJAT, SEMPENA SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN TAHUN 2018 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU**

---

muslihat minda seperti media massa, masalah sosial dan sebagainya.

**YANG BERHORMAT / DATO'-DATO' / TO' PUAN /  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

Selaras dengan tema hari kebangsaan pada tahun ini iaitu **"Sayangi Malaysiaku"**, jelas menggambarkan bahawa semangat perpaduan dan integrasi nasional merupakan senjata yang amat penting yang perlu kita miliki dan pelihara selama ini.

Kita perlu akui dan menerima hakikat bahawa Malaysia sebuah negara berbilang kaum yang unik. Keunikan inilah yang menjadikan kita istimewa dan terbilang di mata dunia.

Kini bukanlah masanya untuk kita berpecah-belah dan saling berbalah. Walau apa dugaan yang merintang, kita tidak boleh berputus asa, sebaliknya harus terus mara ke hadapan untuk memajukan negara berasaskan perpaduan nasional.

Ini jelas seperti yang telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam Al Quran melalui ayat 13, surah Al Hujurat yang bermaksud :-

***"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan***

TEKS PERUTUSAN YAB MENTERI BESAR TERENGGANU UNTUK MAJLIS  
BACAAN YAASIN DAN SOLAT HAJAT, SEMPENA SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN TAHUN 2018 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

---

***Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)".***

**YANG BERHORMAT / DATO'-DATO' / TO' PUAN / TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

Justeru itu, anak-anak kita sebagai pelapis negara perlu disedarkan dan didedahkan dengan ilmu pengetahuan supaya sentiasa menghargai dan mempertahankan nikmat kemerdekaan yang sedang kita miliki sekarang ini. Sebagai bakal pewaris negara, mereka perlu memiliki ilmu pengetahuan di samping berjiwa besar dan bersemangat patriotik supaya dapat mewariskan kemerdekaan ini kepada generasi yang akan datang hingga ke penghujung nyawa mereka.

Tanggungjawab untuk mempertahankan tanah air daripada ancaman musuh adalah satu kewajipan dan tanggungjawab setiap rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama, bahasa dan keturunan.

TEKS PERUTUSAN YAB MENTERI BESAR TERENGGANU UNTUK MAJLIS  
BACAAN YAASIN DAN SOLAT HAJAT, SEMPENA SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN TAHUN 2018 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

---

Allah telah berfirman di dalam surah Al Anfal, ayat 60 yang bermaksud :

***"Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya".***

Sambutan kemerdekaan bukanlah sekadar laungan membangkitkan semangat kemerdekaan semata-mata tetapi lebih daripada itu, ia perlu disulami dengan penghayatan yang jitu dan pemahaman mengenai sejarah yang mendalam, di samping memperkasakan pendidikan anak bangsa kita serta memperteguhkan ekonomi dan perpaduan negara. Kita tidak mahu kemerdekaan hanya pada nama.

TEKS PERUTUSAN YAB MENTERI BESAR TERENGGANU UNTUK MAJLIS  
BACAAN YAASIN DAN SOLAT HAJAT, SEMPENA SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN TAHUN 2018 PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

---

**YANG BERHORMAT / DATO'-DATO' / DATIN-DATIN  
/ TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

Akhir kalam, saya ingin berpesan kepada semua rakyat Terengganu khasnya, pupuklah semangat perpaduan dan ukhuwwah sesama kita, hargailah keamanan dan peliharalah keharmonian demi negara yang tercinta.

Sempena sambutan hari kebangsaan kali ini, saya menyeru kepada kita semua dan seluruh rakyat negeri Terengganu untuk menyemarakkan lagi sambutan kali ini dengan mengibarkan jalur gemilang di rumah masing-masing, pejabat-pejabat, kedai-kedai dan gedung-gedung perniagaan serta kenderaan sebagai bukti kita cintakan negara.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengajur dan diharapkan seluruh rakyat Terengganu dan Malaysia amnya akan terus makmur, aman, progresif dan sentiasa mengisi dan mempertahankan kemerdekaan sampai bila-bila.

**Wabillahi Taufiq, Wal Hidayah.**

**Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**MERDEKA ! MERDEKA ! MERDEKA !**

**TERIMA KASIH.**